

NO. SOALAN: 42

DEWAN RAKYAT  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KETIGA BELAS (2014)

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN M. KULASEGARAN [IPOH  
BARAT ]**

**TARIKH : 13 NOVEMBER 2014 (KHAMIS)**

**SOALAN :**

**Tuan M. Kulasegaran [ Ipoh Barat ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bagaimana Kerajaan akan menangani dan mencari suatu penyelesaian segera dan efektif dalam kes penukaran dan pengislaman anak-anak dengan mendapat keizinan daripada sebelah pihak ibu atau bapa sahaja di mana kabinet memutuskan untuk mengharamkannya pada tahun 2009.

**JAWAPAN: (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN  
HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN  
PERDANA MENTERI )**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, apa-apa penyelesaian yang hendak dibuat perlu merujuk kepada Perkara 12(4) Perlembagaan Persekutuan dan subperenggan 95(b) Akta Pentadbiran Undang-

Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 [Akta 505] di mana agama bagi kanak-kanak yang berumur di bawah lapan belas tahun hendaklah ditetapkan oleh ibu atau bapa atau penjaganya. Dalam kes **Subashini a/p Rajasingam lawan Saravanan a/l Thangathoray [2008] 2 MLJ 147**, Mahkamah Persekutuan telah memutuskan bahawa berdasarkan Perkara 12(4) Perlembagaan Persekutuan, agama anak yang di bawah umur boleh ditetapkan oleh ibu atau bapa masing-masing.

Oleh yang demikian, semua pihak adalah tertakluk kepada peruntukan undang-undang sedia ada dan keputusan Mahkamah berhubung perkara tersebut.

Sekian, terima kasih.